

Ucapan Aluan
YBhg. Dato' Sri Zohari bin Hj Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
merangkap
Pengerusi *Construction Labour Exchange Centre Berhad*
(CLAB)

Sempena Majlis Perasmian
Pusat Penempatan Pekerja Binaan CLAB CLQ V
Shah Alam, Selangor

18 Januari 2018

***Salutations* (akan disediakan pada hari majlis)**

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku Malaysia,

2. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana diberi kesempatan untuk kita berkumpul bersama pada hari ini. Setinggi penghargaan diucapkan kepada YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya kerana sudi meluangkan masa beliau untuk merasmikan pembukaan Pusat Penempatan Pekerja Binaan CLAB CLQ V pada hari ini.

3. Saya turut ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri, YBhg. Tan Sri Pengerusi CIDB

dan Ahli Lembaga Pengarah CIDB yang memberi kepercayaan dan melantik saya sebagai Pengerusi *Construction Labour Exchange Centre Berhad* (CLAB). Insya Allah saya menerima amanah tersebut dan yakin, dan percaya dengan kerjasama semua Ahli Majlis Penasihat CLAB dan Ahli Lembaga Pengarah CLAB, serta kerjasama dalam satu pasukan yang mantap oleh pengurusan dan kakitangan CLAB, CLAB akan dapat memainkan peranannya dalam mengurus pekerja binaan, asing dan tempatan, bagi menyokong Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) pada tahun akan datang.

4. Untuk makluman semua, pagi ini merupakan tugas pertama saya sebagai Pengerusi CLAB, mendahului mesyuarat dan pengenalan diri kepada Ahli Majlis Penasihat dan Ahli Lembaga Pengarah CLAB. *I hope I am not too alien to everybody.*

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Pada tahun 2003, CLAB atau nama penuhnya *Construction Labour Exchange Centre Berhad* ini telah ditubuhkan oleh CIDB untuk melaksanakan penempatan semula pekerja-pekerja asing secara berpusat untuk projek-projek pembinaan di seluruh negara. Pada tahun 2009, CLAB telah diberi mandat oleh Kerajaan untuk menguruskan semua permohonan syarikat pembinaan bagi

pengambilan maksimum 100 orang pekerja asing dan telah beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah entiti perniagaan. Selama 6 tahun beroperasi, CLAB telah berjaya menempatkan semula seramai 174,000 pekerja binaan dan menguruskan sebanyak 34,800 permohonan syarikat pembinaan.

Para hadirin sekalian,

6. Selaras dengan pelaksanaan Program Transformasi Industri Pembinaan atau dalam bahasa inggerisnya *Construction Industry Transformation Programme* (CITP) pada tahun 2016, di bawah Teras 1 iaitu Kualiti, Keselamatan & Profesionalisme, salah satu inisiatif yang akan dilaksanakan adalah untuk menyediakan kemudahan penempatan pekerja binaan mengikut standard MS2593: Pusat Penempatan Berpusat di bawah seliaan CIDB. Dengan pengalaman, pengetahuan dan jaringan kerjasama yang luas dalam industri pembinaan, Kementerian Kerja Raya melihat bahawa CLAB adalah sebuah organisasi yang paling sesuai untuk melaksanakan program pusat penempatan pekerja binaan.

7. Pembukaan CLAB CLQ V pada hari ini adalah hasil kerjasama daripada pihak MRT Corporation (MRT Corp.) iaitu pemilik Kompleks CLQ ini yang telah memberi kebenaran kepada CLAB untuk menggunakan premis CLQ sebagai penempatan

berpusat untuk pekerja asing binaan. Setelah mengambil alih premis ini daripada MRT Corp., CLAB telah melaksanakan beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan bagi meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pekerja binaan selaras dengan standard yang ditetapkan. Penerangan terperinci mengenai kemudahan yang disediakan di pusat penempatan pekerja binaan ini akan diberikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CLAB, Encik Abdul Rafik bin Abdul Rajis, sebentar lagi.

Para hadirin sekalian,

8. Dengan adanya pusat penempatan pekerja binaan CLAB CLQ V ini, adalah diharapkan ia menjadi detik permulaan bagi lebih banyak lagi inisiatif yang mampu mentransformasikan industri pembinaan negara ke arah yang lebih berkualiti, selamat, mampan dan produktif.

9. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MRT Corp. di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan Pusat Penempatan Pekerja Binaan CLAB CLQ V di Shah Alam. Semoga kerjasama antara Kerajaan dengan sektor swasta seperti ini akan berterusan dan semakin mantap seperti slogan CITP iaitu “Bersama Memacu Kecemerlangan Pembinaan.”

Sekian, terima kasih.